

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan daripada kejatuhan harga minyak terhadap ekonomi negara dan langkah-langkah segera pemulihan yang diambil.

JAWAPAN

Kejatuhan harga minyak tidak memberi impak yang begitu ketara kepada negara kita, memandangkan struktur ekonomi negara yang kini lebih pelbagai disokong oleh peningkatan daya tahan dan daya saing serta asas-asas ekonomi yang kukuh.

2. Bank Dunia mengunjurkan bahawa harga minyak mentah yang rendah akan memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi global. Malah, penurunan harga minyak sebanyak 30 peratus dapat meningkatkan pertumbuhan KDNK global sehingga 0.5 peratus. Sebagai pengimport bersih minyak mentah dan produk petroleum sudah tentu negara kita mendapat manfaat daripada kejatuhan harga minyak mentah dunia ini. Walau bagaimanapun, kejatuhan harga minyak yang berlarutan akan memberi impak kepada ekonomi global dan seterusnya memberi kesan yang negatif kepada perdagangan luar Malaysia.

3. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi mengawal kedudukan kewangan negara berikutan penurunan harga minyak mentah yang mendadak. Ini dilakukan bagi memastikan ekonomi terus berada pada landasan pertumbuhan yang kukuh serta kedudukan kewangan negara yang mapan. Antara langkah tersebut termasuk:

- a. Mempromosikan perkhidmatan gantian-import seperti perkhidmatan perkapalan, pelabuhan, pendidikan dan profesional secara aktif bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar;
- b. Pelaksanaan cadangan daripada Majlis Eksport Negara disegerakan;

- c. Menaik taraf Terminal keretapi Padang Besar dan menambah baik kecekapan proses import dan eksport;
 - d. Menubuhkan Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan berjumlah RM5 bilion untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor perkhidmatan;
 - e. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Pelaburan (GLIC) digalakkan melabur dalam negara;
 - f. Perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan, pengajuran majlis dan mesyuarat serta perkhidmatan profesional dioptimumkan;
 - g. Mengkaji semula pemberian geran kepada badan berkanun persekutuan, GLC serta Tabung Amanah Kerajaan yang mempunyai aliran pendapatan yang konsisten dan rizab tinggi;
 - h. Menjadualkan semula pembelian aset tidak kritikal, terutamanya peralatan pejabat, perisian dan kenderaan; dan
 - i. Mengurangkan kos kendalian perniagaan melalui penurunan tarif elektrik bermula 1 Mac 2015 hingga 30 Jun 2015; dan penangguhan cadangan kenaikan harga gas bagi sektor industri pada tahun 2015.
4. Di dalam penstrukturkan semula Bajet 2015 ini, perbelanjaan

pembangunan yang diperuntukkan sebanyak RM48.5 bilion adalah tidak berubah dan akan tetap dibelanjakan. Manakala perbelanjaan mengurus akan dikurangkan sebanyak RM5.5 bilion dengan mengutamakan perbelanjaan yang diperlukan sahaja. Dengan langkah proaktif ini, KDNK negara diunjur berkembang antara 4.5 hingga 5.5 peratus pada tahun 2015.